

10 APR 1997

Mahathir-IPP

MAHATHIR RASMI IPP SEGARI DI LUMUT PADA BULAN DEPAN

IPOH, 10 April (Bernama) -- Loji Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) Segari berharga RM4 bilion adalah antara dua projek di Perak yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau melakukan lawatan sehari ke negeri itu pada 15 Mei ini.

Satu lagi projek ialah taman farmaseutikal Bumiputera bernilai RM34 juta - Safire Pharmaceutical (M) Sdn Bhd di Taman Farmaseutikal Seri Iskandar (SIPP).

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib, ketika memberikan taklimat kepada para wartawan mengenai lawatan itu hari ini, berkata Dr Mahathir akan juga melawat Clear Water Sanctuary, bekas tanah lombong yang dibangunkan sebagai antara padang golf tercantik di negara ini.

Dr Mahathir juga dijadual melawat Gua Tempurung dekat Kampar.

Ramli berkata IPP Segari ialah loji tenaga gas turbin bersepadu yang terbesar di negara ini dan ketiga terbesar di dunia, yang berupaya menjanakan 1,303 megawatt bekalan elektrik setahun.

Projek itu dilaksanakan oleh Segari Energy Ventures Sdn Bhd (SEV), sebuah usahasama antara Malakoff Bhd (75 peratus ekuiti), Tenaga Nasional Bhd (20 peratus) dan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) (lima peratus).

Bekalan elektrik yang dijanakan oleh loji itu akan dijual kepada TNB untuk tempoh konsesi 21 tahun dari tarikh operasi komersil pada Julai 1994.

Sementara itu, kilang Safire Pharmaceutical meliputi kawasan kira-kira enam hektar daripada 122 hektar di SIPP. Ia memindahkan operasinya dari Segambut pada awal tahun ini.

Safire bermula sebagai sebuah syarikat perniagaan farmaseutikal pada tahun 1983 dan lima tahun kemudian, gandingan suami-isteri Dr Safri dan Dr Hamimah, menggerakkan syarikat itu untuk menceburi bidang pengeluaran farmaseutikal.

Safire mengadakan usahasama dengan Perbadanan Pembangunan Negeri Perak pada 1992 dan menjadi antara pembekal utama produk-produk farmaseutikal kepada hospital kerajaan. -- BERNAMA

LAT AKD